

Berita Harian MALAYSIA

JUMAAT, 6 JULAI, 1979

Amanat kepada generasi muda

SESUAI dengan peristiwanya, ucapan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Naib Presiden UMNO merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO semalam merupakan amanat penting bagi generasi muda — Melayu khususnya. Menggunakan falsafah masa serta kesannya terhadap manusia serta perkelilingannya, beliau mengingatkan perubahan-perubahan yang ditinggalkan oleh peredaran masa kepada sikap dan nilai, faktor-faktor utama yang menentukan maju mundurnya sesuatu masyarakat.

"Punca merosotnya negara dan masyarakat ialah sikap tidak menghargai, dan oleh itu tidak memelihara, kemajuan yang dicapai. Pemimpin-pemimpin asyik bercakar dan penganut berpecah-pecah dan bermusuhan antara satu sama lain," tegas beliau. Menyorot kembali kemajuan yang dicapai oleh orang Melayu hasil perjuangan UMNO setelah perpaduan orang Melayu akibat rancangan British mengwujudkan Malayan Union, beliau mengingatkan betapa kemajuan telah menimbulkan keangkuhan di kalangan beberapa segmen orang Melayu, yang berpendapat kuasa dan kemajuan adalah semulajadi dan yang perlu cumalah menuntut lebih daripada yang sudah ada, bukan memperteguh dan memeliharanya.

Kumpulan-kumpulan orang Melayu yang bersikap begini, dengan sogokan pendapat sosialis dan komunis, telah meracuni fikiran orang Melayu dengan tempikan bahawa perkara utama dalam kebahagiaan hidup ialah kekayaan material yang dibahagi sama rata — dengan membelakangkan hakikat nyata bahawa amalan sistem sosialis dalam milik harta menjadikan rakyat miskin dan hamba kepada beberapa kerat pemimpin yang hidup mewah. Akibatnya bagi yang termakan dengan pendapat ini ialah kemajuan yang terhalang. Dalam pelajaran pula memesongkan perhatian para pelajar dari pelajaran kepada perjuangan menegakkan ideologi sosialis itu, menyebabkan peluang-peluang pelajaran terbuang sia-sia. Dalam pekerjaan golongan ini telah mempengaruhi pekerja-pekerja Melayu dengan pendapat palsu bahawa pendapatan yang lebih boleh didapati melalui ugutan, menyebabkan mereka membelakangkan pekerjaan dan dengan itu tidak meninggikan kecekapan. Malah agama juga telah diperalatkan dengan menanamkan kepada orang Melayu aliran-aliran fikiran yang memecahbelah dan melemahkan.

Seperti yang dikatakan oleh Dr Mahathir, yang akan merasai perubahan akibat sikap-sikap tersebut ialah generasi akan datang. Kerana itu amanat beliau ini amat penting diteliti, difikirkan sedalam-dalamnya dan dijadikan panduan dalam bertindak oleh generasi muda sekarang, tidak kira ahli UMNO atau bukan.